

## BAB 3

### KEMUNCULAN TUN PERAK SEBAGAI TOKOH EMPAYAR MELAKA

#### **Pendahuluan**

Siapakah Tun Perak? Tun Perak ialah pembesar ternama dan teragung pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Para sejarawan sepakat mengatakan bahawa Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab menyebabkan keagungan Melaka kerana pada zaman beliaulah Melaka mencapai puncak kegemilangan dan kemakmuran sehingga terkenal ke seluruh dunia.

#### **Kelahiran Tun Perak**

Mengikut *Sejarah Melayu* versi Raffles, Tun Perak telah dilahirkan dan dibesarkan di negeri Melaka. Beliau adalah merupakan anak jati negeri Melaka. Susur galur keturunan Tun Perak dikatakan bersalasilah daripada keturunan anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain. Tun Perak adalah anak kepada Tun Perpatih Sedang iaitu Bendahara Melaka sebelum Tun Ali.

Datuk Tun Perak ialah Tun Perpatih Permuka Berjajar (Raden Bagus) diberi gelaran Bendahara Seri Wak Raja. Bendahara Seri Wak Raja ini pula adalah anak kepada Raja Kecil Besar dan diberi gelaran Sultan Makota. Ibunya pula adalah anak kepada Bendahara Melaka pada masa itu. Datuk beliau ialah

Sultan Iskandar Syah atau Parameswara, iaitu orang yang telah bertanggungjawab membuka negeri Melaka. Bendahara Seri Wak Raja adalah anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Adiknya yang kedua bernama Raja Tengah dan yang bongsu bernama Raden Anum. Setelah Sultan Makota mangkat, Raja Tengah iaitu adik beliau yang kedua telah dilantik menjadi Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Muhammad Syah.<sup>1</sup>

Tun Perpatih Sedang iaitu bapa kepada Tun Perak telah dilantik menjadi Bendahara setelah Bendahara Seri Amar Diraja meninggal dunia. Beliau telah diberi gelaran Bendahara Seri Wak Raja.<sup>2</sup>

Bendahara Seri Wak Raja adalah mangsa pergolakan politik istana Melaka. Semasa beliau menjadi bendahara, berlaku perebutan takhta di antara Raja Kassim dan Sultan Abu Syahid iaitu setelah kemangkatan Sultan Muhammad Syah. Raja Ibrahim dengan gelaran Sultan Abu Syahid telah dilantik menjadi Sultan Melaka. Oleh kerana Sultan Abu Syahid masih lagi kecil, Raja Rekan iaitu nendanya, telah menjadi pemangku Sultan Melaka. Raja Rekan telah menghalau Raja Kassim yang sepatutnya menjadi Sultan dari istana dan hiduplah baginda sebagai seorang nelayan.<sup>3</sup> Namun demikian, Seri Nara Aldiraja pula sentiasa menunjukkan kebaikkan kepada Raja Kassim kerana Raja Kassim adalah sepupunya.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam 'Sejarah Melayu' MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 120.

<sup>2</sup> Ibid., hlm. 130.

<sup>3</sup> Ibid., hlm. 131.-134.

<sup>4</sup> Ibid., hlm. 131.

Maulana Jalaluddin yang berketurunan Arab adalah orang yang bertanggungjawab dalam membantu Raja Kassim untuk menggulingkan Sultan Abu Syahid. Semasa Raja Kassim menjual ikan kepada sebuah kapal yang datang berlabuh, beliau telah diberi penghormatan oleh Maulana Jalaluddin. *Sejarah Melayu* ada menyebut:

Maka Kassim pun datang berjual ikan seperti laku pengail yang banyak itu. Adapun dalam kapal itu ada seorang Maula, namanya Maulana Jalaluddin. Setelah ia melihat Raja Kassim maka segera disuruhnya naik dan diberinya hormat sepertinya. Maka kata Raja Kassim, Mengapa maka tuan hamba menghormati hamba? Karena hamba ini nelayan berjual ikan. Maka kata Maulana Jalaluddin, bahawa engkau ini anak Raja dalam negeri ini, kelak menjadi Raja Melaka. Maka kata Raja Kassim, Apa daya hamba menjadi Raja? Jika dengan afwah Maulana mahu menolongi hamba, maka dapat hamba menjadi Raja. Maka kata Maulana, Pergilah tuan hamba ke darat, cari orang yang dapat mengerjakan pekerjaan tuan hamba, Insya Allah Ta'ala, hasillah pekerjaan tuan hamba.<sup>5</sup>

Semasa Seri Nara Aldiraja dan Raja Kassim hendak menyerang istana untuk merampas takhta daripada kuasa Raja Rekan, rancangan itu tidak diketahui oleh Bendahara Seri Wak Raja, kerana Bendahara tidak mengetahui

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 132.

yang datang ke rumahnya itu adalah Raja Kassim dan Seri Nara Aldiraja serta pengikut-pengikut mereka. Setelah berada di atas gajah barulah beliau menyedari bahawa Raja Kassim berada di atas gajah dan bukannya Sultan Abu Syahid. Bendahara Seri Wak Raja hanya menurut sahaja kehendak Raja Kassim yang hendak membunuh Raja Rekan kerana gajah yang dinaiki itu telah pun berjalan dan beliau tidak dapat berbuat apa-apa lagi kerana Raja Kassim perlu juga dihormati kerana beliau juga merupakan salah seorang keturunan diraja.

Setelah para pembesar mengetahui istana diserang, mereka semua menuju ke rumah Bendahara dan didapati Bendahara turut sama dalam pemberontakan itu. Keadaan ini telah menyebabkan para pembesar telah menuduh Bendaharalah yang merancang semua ini, sedangkan Bendahara Seri Wak Raja telah terpedaya dengan tipu helah Seri Nara Aldiraja kerana sewaktu turun dari rumahnya, beliau berada dalam keadaan yang kelam kabut serta cuaca pula adalah gelap gelita. Akhirnya Raja Rekan berjaya dibunuh dan Raja Kassim telah menaiki takhta dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah.

Setelah baginda berjaya menaiki takhta, Maulana Jalaluddin telah menuntut janji untuk memperisterikan Puteri Rekan. Janji Maulana itu telah dipenuhi, tetapi diberikan seorang dayang yang cantik yang dikatakan puteri Rekan.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Supaya maksud ini lebih jelas, berdasarkan kepada Shellabear: Maka Maulana pun minta janjinya kepada raja: maka disuruh baginda hiasi seorang dayang-dayang yang baik rupanya dengan selengkap pakaian, maka diberikan kepada Maulana, maka dikatakannya Puteri Rekan. Rujuk, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 134.

Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Bendahara Seri Wak Raja telah meninggal dunia. *Sejarah Melayu* ada menyatakan sebab kematian beliau:

Maka suatu ketika Sultan Muzaffar Syah dihadap orang. Setelah sudah lama Raja dihadap orang, maka Bendahara pun masuk hendak mengadap Sultan, maka Sultan Muzaffar Syah masuk ke dalam sebab sudah lama baginda duduk dihadap orang itu, tiada Baginda tahu Bendahara datang itu, maka pintu tertutup ditiup oleh angin. Maka pada hati Bendahara Seriwa Raja, Bahawa Yang Dipertuan ini murka kepada aku. Serta aku datang, Raja masuk, dan pintu pun ditutup. Maka Bendahara Seriwa Raja kembalilah ke rumahnya lalu makan racun. Maka Bendahara itu pun matilah sebab makan racun itu.<sup>7</sup>

Petikan di atas adalah menggambarkan bahawa Bendahara Seri Wak Raja telah membunuh diri dengan memakan racun kerana salah sangka terhadap Sultan yang disangka marah kepadanya, walaupun Sultan tidak mengetahui akan kedatangannya. Beliau telah mengambil keputusan yang mendadak dengan memakan racun untuk membunuh diri. Tindakan Bendahara ini agak membingungkan, *Sejarah Melayu* seolah-olah menunjukkan bahawa Bendahara bukan seorang Islam yang waras kerana membunuh diri.

---

<sup>7</sup>Ibid., hlm. 135.

Namun demikian, jika difikir secara rasional seseorang yang mempunyai akal fikiran yang waras dan menjawat jawatan yang memerlukan pemikiran yang bernalas sudah tentu tidak akan mengambil tindakan yang terburu-buru dengan membunuh diri tetapi akan menyelidik ataupun menyiasat terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu, tambahan pula beliau adalah seorang penganut Agama Islam.

Besar kemungkinan juga beliau telah dibunuh kerana pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah terdapat dua puak yang bertentangan iaitu Melayu Islam dan India Muslim. Walaupun Bendahara Seri Wak Raja yang menjawat jawatan Bendahara, tetapi Tun Ali iaitu orang yang telah membantu Raja Kassim menaiki takhta telah mendapat kuasa yang lebih berbanding dengan Bendahara Seri Wak Raja, sehingga segala kata-katanya dituruti, *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa:

Bermula akan Seri Nara Aldiraja terlalu sangat  
dikasih oleh raja, barang suatu katanya dan  
sembahnya tiada dilalui oleh baginda.<sup>8</sup>

Setelah Sultan Muzaffar Syah mengetahui punca kematian Bendahara Seri Wak Raja, beliau terlalu sedih dan selama tujuh hari tujuh malam baginda berkabung kerana menghormati Bendahara.<sup>9</sup>

Tun Perpatih Sedang ataupun Bendahara Seri Wak Raja telah meninggalkan tiga orang anak iaitu Tun Kudu, Tun Perak dan Tun Perpatih

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 134.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 135.

Putih. Justeru itu telah jelas kepada kita bahawa Tun Perak adalah berasal daripada keluarga elit iaitu keturunan diraja atau bangsawan Melaka.

Di dalam *Sejarah Melayu* ada menunjukkan petikan ini iaitu:

Maka ada anak Bendahara Seriwa Raja tiga orang; yang tua sekali perempuan, muda, keduanya laki-laki; yang perempuan itu Tun Kudu namanya. Adapun anaknya yang tengah itu, Tun Perak namanya; yang bongsu Tun Perpatih Putih namanya.<sup>10</sup>

Setelah kematian Bendahara Seri Wak Raja, pengaruh puak Melayu di istana menjadi lemah. Kenaikkan Bendahara Melaka Seri Nara Aldiraja Tun Ali sebagai ketua puak India Muslim telah mendekatkan lagi golongan India Muslim kepada Sultan. Tun Perak telah membawa diri ke Kelang kerana tidak diberikan sebarang tugas di dalam istana. Sebagai anak Bendahara, Tun Perak sepatutnya memegang jawatan di dalam istana tetapi disebabkan oleh Seri Nara Aldiraja berpengaruh di istana, maka Tun Perak tidak mendapat sebarang jawatan. Jelas puak Melayu Islam telah diketepikan kerana pengaruh yang ada pada Seri Nara Aldiraja.

Lantaran itu, Tun Perak pula telah memilih Kelang sebagai kampung halamannya yang baru. Pemilihan Kelang sebagai tempat bermukim mungkin juga disebabkan ekonomi Kelang yang kukuh iaitu sebuah daerah pengeluar bijih timah. Tun Perak telah menghabiskan zaman bujangnya di sana. Beliau

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 135.

telah berkahwin dengan gadis pilihannya di Kelang.<sup>11</sup> Selepas Tun Perak mendirikan rumah tangga, beliau telah bermastautin di Kelang. Petikan daripada *Sejarah Melayu* ada menyatakan keadaan ini iaitu:

Adapun akan Tun Perak itu tiada kena kerja raja, maka ia pergi beristeri ke Kelang, maka ia pun diamlah di Kelang sekali.<sup>12</sup>

Penduduk Kelang telah melantik Tun Perak sebagai Penghulu Kelang yang baru iaitu untuk menggantikan penghulu lama setelah mendapat keizinan daripada Sultan Muzaffar Syah di Melaka. Petikan daripada *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa:

Hatta berapa lamanya, orang Kelang pun menolak penghulunya, maka orang Kelang mengadap ke Melaka hendak memohonkan penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, Siapatah yang kamu kehendaki akan penghulu kamu? Maka sembah orang, Tuanku, jikalau ada kurnia Duli, Tun Peraklah patik pohonkan akan penghulu patik sekalian. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, baiklah. Maka Tun Perak menjadi penghulu Kelang itu.<sup>13</sup>

<sup>11</sup> W.G., Shellabear, (ed), 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 90.

<sup>12</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 135.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 135.

Persetujuan Sultan Muzaffar Syah adalah kerana baginda mula menyedari bahawa hubungannya dengan keluarga Tun Perak semakin renggang, maka baginda telah melantik Tun Perak menjawat jawatan sebagai penghulu di daerah Kelang. Baginda juga telah mengahwini Tun Kudu yang merupakan kakak Tun Perak untuk dijadikan permaisuri kerajaan Melaka. Tindakan baginda ini adalah bijak untuk memastikan hubungannya dengan keluarga Tun Perak tidak terputus begitu sahaja walaupun menyedari tindakannya ini tidak disenangi oleh Seri Nara Aldiraja. Oleh yang demikian, Sultan Muzaffar Syah terpaksa menentukan keseimbangan politik Melaka supaya tidak berlaku ketegangan yang akan merumitkan pemerintahannya. Tun Perak tidak membantah keputusan tersebut, malah konsep ‘anak Melayu pantang derhaka’ tetap digengam erat. Namun, seperti kata pepatah Melayu, ‘benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau’, begitulah juga dengan kecemerlangan Tun Perak sebagai pemimpin di Kelang.

Kebijaksanaan dan kecerdikkan Tun Perak dapat dikesan apabila Tun Perak membawa semua rakyatnya iaitu yang terdiri daripada lelaki dan perempuan serta kanak-kanak ke Melaka untuk berperang dengan orang Siam seperti arahan Sultan. Tujuan beliau membawa semua penduduk Kelang ialah supaya mereka berperang dengan bersungguh-sungguh. ‘Kurang berlawankan Duli Yang Dipertuan, ia bertikamkan anak isterinya bersungguh-sungguh.’ Kata-kata inilah yang dinyatakan oleh Tun Perak kepada Seri Imarat apabila beliau disoal oleh Seri Imarat. *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa:

Setelah itu, maka Tun Perak pun datanglah mengadap raja, maka kata Bentara yang bergelar Seri Imarat kepada Tun Perak, Tun Perak, segala orang teluk rantau yang lain semuanya mengadap laki-laki juga, adapun orang Kelang ini mengadap laki-laki juga, maka Tun Perak bawa semuanya, dengan perempuan sekali. Mapatah maka demikian fiil tuan hamba? Maka tiada disahut oleh Tun Perak katanya itu, maka sekali lagi pula katanya oleh Seri Imarat, tiada juga disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali barulah disahuti. Hei, Si Imarat, tuan hamba dengan pedang sebilah itu juga hendaklah tuan hamba peliharakan baik-baik, jangan diberi berkata duli, jangan kemakanan. Akan pekerjaan kami orang bekerja, di mana tuan hamba tahu? Akan Duli Yang Dipertuan dalam negeri ini dengan anak isteri baginda dan segala perkakasannya, benarkah pekerti tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki sahaja dengan jauh Selat jika barang suatu hal negeri ini, apa hisabku padanya? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini kami bawa dengan segala anak isterinya sekali, supaya ia berparang dengan musuh bersungguh hati, kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan, ia bertikamkan anak isterinya bersungguh-sungguh. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu, maka baginda pun tersenyum, maka titah baginda, Benar seperti kata Tun Perak itu. Maka diambil oleh baginda sirih puan, diberikan baginda Tun

Perak. Maka titah baginda, Tun Perak tiadalah patut duduk di Kelang lagi. Baiklah Tun Perak duduk di negeri.<sup>14</sup>

Petikan di atas jelas menggambarkan bahawa Tun Perak merupakan seorang yang bersifat tegas. Beliau akan tetap dengan pendiriannya jika merasakan pendirian tersebut adalah benar dan mematahkan segala tohmahan yang dilemparkan kepadanya dengan berani. Seri Imarat adalah orang bawahan Seri Nara Aldiraja Tun Ali dan sudah tentulah ia tidak mahu Tun Perak menjawat sebarang jawatan yang penting dalam pentadbiran kerana dikhuatir akan menggugat kredibiliti kaum India Muslim.

Namun begitu, kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh Tun Perak telah menarik perhatian Sultan Muzaffar Syah sehingga menyebabkan baginda menitahkan Tun Perak tinggal di Melaka. Sebagai membala jasa Tun Perak yang membantu mematahkan serangan Siam itu, beliau telah dilantik menjadi Bentara. Bermula dari sinilah Tun Perak telah menunjukkan kepimpinan yang unggul di dalam menjalankan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka.

Maka ada seorang keling, diamnya di Kelang, teraniaya oleh Tun Perak sedikit; maka ia berdatang sembah ke bawah duli Yang Dipertuan mengadukan halnya. Maka sultan Muzaffar Syah memberi titah Seri Imarat menyuruh berkata kepada Tun Perak, Bahawa orang ini

---

<sup>14</sup>*Ibid.*, hlm. 136-139.

mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan bahawa ia teraniaya konon oleh Tun Perak. Maka tiada disahuti oleh Tun Perak; katanya Tuan Seri Imarat, akan pedang sebilah itu juga tuan hamba asam, jangan kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri maya faduli tuan? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya, baik juga kepada kami, kerjakan, karena, akan baiknya juga yang dipertuan tahu. Tetapi jika Yang Dipertuan hendak mengacarkan dengan dia, pecatlah hamba dahulu seraya keling itu maka kamu acarkanlah hamba, jikalau hamba belum dipecat, sebagai mana hamba diacarkan dengan sakai hamba? Setelah sudah didengar oleh Sultan Muzaffar Syah kata Tun Perak itu, maka berkenan pada hati baginda, maka titah sultan Muzaffar Syah, Adapun Tun Perak ini tiadalah patut menjadi bentara lagi. Maka digelar oleh Sultan Muzaffar Syah, Paduka Raja, maka disuruh baginda duduk di Seri Balai bertimbalan dengan Seri Nara Diraja.<sup>15</sup>

Tun Perak mempunyai pendirian yang tegas terutamanya tentang pengaduan mengenai sesuatu tugas yang dilakukan. Beliau sanggup menerima hukuman walaupun terpaksa dipecat daripada jawatannya jika segala pertuduhan yang dilemparkan kepadanya adalah benar. Hal ini dilakukannya, sama ada untuk keadilan dalam pembicaraan (sama-sama tidak memegang

---

<sup>15</sup>Ibid., hlm. 136-139.

jawatan kerana jawatan mungkin mempengaruhi hakim) atau mungkin ada muslihat yang lain. Besar kemungkinannya juga, beliau ingin menjaga kewibawaan sultan yang melantiknya.

Ketegasan Tun Perak ini meyakinkan Sultan Muzaffar Syah bahawa Tun Perak adalah seorang yang bijaksana dan kerana kebijaksanaannyaalah, beliau telah diangkat menjadi menteri dengan gelaran ‘Paduka Raja’. Sultan Muzaffar Syah juga menitahkan Tun Perak duduk di Seri Balai sebagai timbalan kepada Seri Nara Aldiraja. Jelas terbukti bahawa setiap penyelesaian masalah yang telah dilakukan oleh Tun Perak adalah mencerminkan kebijaksanaan yang terdapat di dalam diri seseorang pemimpin yang berwibawa.

Apabila Tun Perak menjawat jawatan di dalam istana, secara tidak langsung telah mengembalikan semula semangat puak Melayu di dalam Kerajaan Melayu Melaka. Manakala puak India Muslim pula telah menyokong Seri Nara Aldiraja Tun Ali. Perhubungan yang sengit antara kedua puak ini, telah diketahui oleh Sultan Muzaffar Syah. Untuk menyelamatkan keadaan politik istana, Sultan Muzaffar Syah telah mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini, lebih-lebih lagi baginda merasakan bahawa Tun Perak sebenarnya adalah layak untuk menjadi pemimpin yang berwibawa. Sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah ini, baginda telah bermuafakat dengan Seri Nara Aldiraja Tun Ali supaya memilih sesiapa sahaja untuk dijadikan isteri. Seri

Nara Aldiraja telah memohon<sup>16</sup> Tun Kudu untuk dijadikan isteri, walaupun beliau mengetahui bahawa Tun Kudu adalah permaisuri Melaka. Ini adalah kerana Tun Ali merasakan dirinya adalah sama taraf dengan raja. Justeru itu, baginda tidak ada pilihan, dan terpaksa menceraikan Tun Kudu (kakak Tun Perak) lalu dikahwinkan dengan Tun Ali. Jelas di sini Sultan Muzaffar Syah lebih mengutamakan kesejahteraan kerajaan Melaka, perasaan dan maruah baginda serta perasaan Tun Kudu sebagai isterinya.

Setelah Seri Nara Aldiraja berkahwin dengan Tun Kudu, hubungannya dengan Tun Perak semakin baik kerana Tun Perak adalah adik iparnya. Perkahwinan yang berbentuk kekerabatan ini akhirnya menjadi jalan penyelesaian kepada perbalahan antara kedua belah puak yang bertelingkah itu. Peristiwa ini telah membuktikan bahawa Sultan Muzaffar Syah sanggup melakukan apa sahaja demi kestabilan politik Kerajaan Melayu Melaka walaupun terpaksa menceraikan isterinya sendiri iaitu Tun Kudu untuk memenuhi kehendak Seri Nara Aldiraja. Perkahwinan ini telah mendamaikan kedua-dua puak Melayu Islam dan puak India Muslim.

---

<sup>16</sup> Penulis menggunakan perkataan ‘memohon’ kerana dalam petikan Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 139 adalah seperti berikut: “Maukah Seri Nara Aldiraja beristeri?” Maka sembah Seri Nara Aldiraja, “Jikalau dengan anugerah Yang Dipertuan, baiklah tuanku”. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Maukah Seri Nara Aldiraja akan Tun Kumalu?” Maka sembah Seri Nara Aldiraja, “Mohon Patik”. Maka titah baginda, “Maukah Seri Nara Aldiraja akan Tun Bulan, anak Orangkaya Hitam?” Maka sembah Seri Nara Aldiraja, “Mohon Patik”. Maka beberapa segala anak orang-orang besar disebut oleh Sultan Muzaffar Syah, Seri Nara Aldiraja tiada juga berkenan, padanya mohon juga ia. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Maukah Seri Nara Aldiraja akan Tun Kudu?” Maka sembah Seri Nara Aldiraja, “Daulat Tuanku”. Jelas petikan ini menggambarkan seolah-olah Seri Nara Aldiraja memohon Tun Kudu untuk dijadikan isteri kerana semua wanita-wanita lain tidak berkenan di hatinya walaupun mengetahui Tun Kudu adalah permaisuri Raja.

Oleh kerana hubungan Seri Nara Aldiraja dengan Tun Perak sangat rapat, beliau telah mencadangkan kepada Sultan Muzaffar Syah supaya melantik Tun Perak menjawat jawatan Bendahara Melaka dan ini bermakna beliau sanggup turun jawatan sebagai timbalan kepada Bendahara iaitu menjawat jawatan Penghulu Bendahari. *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa:

Maka sembah Seri Nara Aldiraja pada Sultan Muzaffar Syah, Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan Bendahara, karena ia sedia anak Bendahara. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, Baiklah. Maka Paduka Raja dijadikan Raja Bendahara.<sup>17</sup>

Ternyata kemunculan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka adalah hasil daripada kebijaksanaannya dan ketegasannya meyakinkan Sultan tentang kewibawaannya sebagai pemimpin yang lebih baik daripada golongan India Muslim dengan Tun Ali sebagai pemimpinnya. Kesediaan Sultan untuk mengakui hal ini dan berkorban perasaan serta maruah dengan melepaskan Tun Kudu kepada Tun Ali juga menjadi faktor penting kepada peningkatan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka. Kemunculannya itu bukan sahaja dapat menyelesaikan kemelut politik Melayu dan India Muslim dalam kerajaan Melaka, tetapi juga telah dapat meneruskan kecemerlangan keturunannya sebagai pemimpin Melaka.

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 139-140.

Berdasarkan beberapa huraian di atas, ternyata bahawa konsep kepimpinan dalam kerajaan Melayu Melaka lebih didasarkan pada keistimewaan dan kemampuan tertentu seseorang, dan lebih merujuk pada bidang tugas yang hendak dilaksanakan, serta bersandarkan sahsiah yang tinggi, pengalaman sosial yang luas, peringkat umur yang matang, dan kecekapan dalam pengurusan. Pemilihan tersebut walaupun pada peringkat permulaan berdasarkan latar belakang dan keturunan keluarga yang baik-baik, tetapi sesuatu yang lebih diutamakan ialah kelayakkan dan kemampuan. Apabila seseorang itu dapat memperlihatkan keistimewaan dan kebijaksanaan lebih daripada orang lain ketika melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya, itu merupakan tiket utama baginya untuk menjadi pemimpin dalam konteks zaman masyarakat Melayu Melaka. Justeru itu, bermulalah era kepimpinan Tun Perak sebagai Bendahara Paduka Raja di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.